



Terbitan : *Sinar Harian*

Tarikh : 14/6/2023

M/S : 11

Kastam beri imbuhan jika salur maklumat jenayah

PUTRAJAYA - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menyediakan imbuhan kepada orang awam yang menyalurkan maklumat mengenai kegiatan jenayah termasuk aktiviti sindiket pengedaran dadah yang menjadikan Malaysia sebagai lokasi transit bahan terlarang itu.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, imbuhan atau hadiah tertentu diberikan sekiranya maklumat itu berjaya membawa kepada kejayaan penangkapan sindiket atau individu tertentu.

"Pemberi maklumat diberikan hadiah tertentu dan kita akan teruskan pemberian hadiah kepada pemberi maklumat... jumlah tertentu diberi kepada pemberi maklumat jika terdapat tangkapan," katanya di sini pada Selasa.

Isnin lalu, media melaporkan JKDM merampas 454 kilogram (kg) dadah bernilai hampir RM70 juta dalam tiga serbuan di Pelabuhan Klang dan Kompleks Kargo Udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang awal bulan ini hasil maklumat Kementerian Dalam Negeri (KDN) Arab Saudi.

Ahmad merakamkan penghargaan kepada KDN Arab Saudi yang menyalurkan maklumat mengenai kontena mengandungi dadah dari Brazil yang menuju ke India tetapi singgah di Malaysia itu.

Mengenai kes penyeludupan dadah melalui Pelabuhan Klang ke Brisbane, Australia, Ahmad berkata, ia adalah sesuatu yang memeranjatkan dan memberikan nama yang tidak baik kepada Malaysia di peringkat perkastaman dunia.

"Kerajaan pandang serius di mana kelemahan yang menyebabkan perkara itu berlaku," katanya dan menambah JKDM perlu meningkatkan aktiviti pemantauan, pengintipan serta perkongsian maklumat bagi membanteras kegiatan sindiket pengedaran dadah melalui negara ini. - *Bernama*